





مَجْلِسُ أَئِمَّةِ إِسْلَامٍ وَأَعْدَادٍ مَلَيْعِيَّةِ فِي رَاقِ

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

# Kandungan

- 
- 
- 10 Titah Perutusan DYTM Raja Muda Perak
  - 12 Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif
  - 14 Sejarah Penubuhan MAIPk
  - 16 Visi/Misi/Objektif
  - 18 Informasi Korporat
  - 18 Ahli-Ahli MAIPk
  - 22 Profil Ahli-Ahli MAIPk
  - 28 Pengurusan Kanan
  - 30 Carta Organisasi
  - 31 Laporan Operasi
  - 38 Penyata Tadbir Urus Korporat
  - 48 Laporan Peristiwa
  - 56 Analisa Kewangan
  - 62 Penyata Kewangan



[www.maiamp.gov.my](http://www.maiamp.gov.my)

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan,  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,  
30000 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tel: 05-208 4000

Faks: 05-241 4257

E-mel: korporat@maiamp.gov.my



Laporan Tahunan  
2010

#### RASIONAL KULIT

Elemen abstrak geometri **digabung**, **disusun**, **dihubung** dan **diulang**, dalam kombinasi lengkap sehingga menjadi salah satu ciri khas kesenian Islam.

**Gabung** • Mengumpul pungutan zakat serta sumber am


**Susun** • Merangka agihan dan perbelanjaan mengikut kategori

**Hubung** • Mengukuhkan hubungan dengan pihak yang memerlukan

**Ulang** • Mempraktik strategi agar sesuai dengan peredaran tamadun dan kemajuan manusia khususnya umat Islam



Daulat  
*Tuanku*



**DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH  
IBNI ALMARHUM SULTAN YUSSUF IZZUDDIN SHAH GHAFARULLAHU-LAH,**

D.K., D.K.M., D.M.N., D.K.A.  
SULTAN, YANG DI-PERTUAN DAN RAJA PEMERINTAH  
NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN



**DULI YANG MAHA MULIA  
RAJA PERMAISURI PERAK DARUL RIDZUAN,  
TUANKU BAINUN**  
D.K., D.K. (SELANGOR), D.M.N.



**DULI YANG TERAMAT MULIA  
RAJA MUDA PERAK DARUL RIDZUAN  
RAJA NAZRIN SHAH IBNI SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH**

D.K., D.K.S.A., D.K.A., D.K. II (Selangor), S.P.C.M., S.P.T.S., S.P.M.P. (Perlis), Ph.D. (Harvard)



**DULI YANG TERAMAT MULIA  
RAJA PUAN BESAR PERAK DARUL RIDZUAN  
TUANKU ZARA SALIM**  
D.K.S.A., D.K.A.

## Titah Perutusan



**DULI YANG TERAMAT MULIA  
RAJA MUDA PERAK DARUL RIDZUAN  
RAJA NAZRIN SHAH IBNI SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH**  
D.K., D.K.S.A., D.K.A., D.K. II (Selangor), S.P.C.M., S.P.T.S., S.P.M.P. (Perlis), Ph.D. (Harvard)

YANG DIPERTUA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

**Bismillahi Rahmani Rahim,**

Usaha-usaha penambahbaikan kualiti dan kecekapan perkhidmatan terus diberikan fokus. Dalam memenuhi aspirasi tersebut jawatan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) secara sepenuh masa telah diwujudkan mulai 29 Mac 2010. Melalui pengwujudan jawatan tersebut, pengurusan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) dan pengurusan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) telah dipisahkan, masing-masing diterajui oleh ketua yang berbeza. Perkembangan ini diharap akan dapat meningkatkan prestasi pencapaian Majlis dalam memenuhi visi, misi dan fungsi penubuhannya.

Dalam hasrat untuk mencapai tahap kemajuan yang lebih cemerlang, pengurusan Majlis hendaklah bersedia melakukan analisis bedah siasat secara ikhlas dan jujur lalu berani menerima hakikat akan kelemahan yang masih perlu penambahbaikan untuk selanjutnya dapat menghasilkan suatu perancangan dan tindakan yang lebih strategik dalam usaha membangunkan ummah dan meninggikan syiar Islam.

Kemiskinan tidak sepatutnya berlaku dalam sebuah negara yang maju dan makmur. Oleh itu, program pembasmian kemiskinan perlu menjadi tumpuan MAIPk. Aktiviti-aktiviti dan program-program yang dilaksanakan perlu membawa impak besar dalam usaha untuk memastikan golongan fakir dan miskin berjaya keluar daripada kepompong kemiskinan secara berkekalan. Kualiti program hendaklah lebih dititikberatkan dan analisis yang lebih tepat dilakukan untuk menilai impak keberhasilan program yang dilaksanakan.

Pembangunan tanah-tanah wakaf dan baitulmal akan terus diuruskan dengan lebih terancang untuk meningkatkan sumber pendapatan MAIPk. Tanah-tanah yang mempunyai potensi akan dimajukan berlandaskan hukum-hukum yang ditetapkan. Selain daripada itu, data-data mengenai harta dan tanah milik MAIPk akan terus diperkemaskan.

Bagi meningkatkan keberkesanan dan keupayaan organisasi, warga MAIPk perlu dipertingkatkan daya pemikiran dan kemahiran mengurus. Setiap warga MAIPk hendaklah diberi cukup pendedahan dan latihan dalam aspek pengurusan kewangan, pengurusan sumber dan pemikiran strategik. Program-program latihan dan pembangunan sumber manusia dan kemajuan kerjaya akan diberikan penekanan. Warga kerja yang dinamik dan berwibawa, insyaAllah akan dapat mengangkat MAIPk menjadi sebuah organisasi Islam yang berada di kelas yang tersendiri lagi unggul memperkenalkan sifat-sifat cekap, produktif, amanah dan ikhlas.

Semoga segala usaha yang dilaksanakan akan mendapat taufik dan hidayah dari Ilahi.

**RAJA MUDA PERAK DARUL RIDZUAN  
RAJA NAZRIN SHAH IBNI  
SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH**

## Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif



**Bismillahi Rahmani Rahim,**

Segala puji dan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) sekali lagi berjaya menerbitkan Laporan Tahunan MAIPk 2010. Semoga laporan ini akan dapat memberikan maklumat dan panduan yang berfaedah kepada semua pihak khususnya mengenai pencapaian MAIPk sepanjang tahun 2010. Di samping itu, dengan penerbitan laporan ini juga akan dapat memperlihatkan ketelusan MAIPk kepada masyarakat mengenai kutipan dan agihan zakat, serta pengurusan wakaf dan mal. Semoga segala keraguan dan kemusykilan mengenai isu-isu zakat, wakaf dan mal yang bersarang dalam pemikiran sebahagian umat Islam dapat dihapuskan.

Pada tahun 2010, prestasi pungutan zakat semakin meningkat berbanding tahun-tahun sebelumnya. Keadaan ini adalah disebabkan oleh kesedaran umat Islam terhadap kewajipan berzakat semakin meningkat serta usaha berterusan yang dilaksanakan oleh setiap anggota MAIPk. Pada masa yang sama, prestasi agihan zakat juga turut menunjukkan peningkatan. Sebahagian besar peruntukan yang disediakan pada tahun 2010 dapat diagihkan kepada penerima-penerima bantuan. Masalah-masalah sosio-ekonomi yang melingkari umat Islam khususnya di Negeri Perak dapat diminimumkan.

Pengurusan wakaf dan mal pada tahun 2010 telah diperkuuhkan dengan membuat rombakan terhadap keahlian Jawatankuasa Pelaburan dan Pembangunan serta penambahbaikan terhadap sistem pangkalan data wakaf dan mal. Selain itu, proses kerja pengurusan

wakaf dan mal turut dikemaskini dari semasa ke semasa. Semakin banyak harta wakaf dan mal dapat dikenalpasti dan dioptimumkan pembangunannya demi kemaslahatan masyarakat Islam Negeri Perak.

Sepanjang tahun 2010, MAIPk terus memperkuuhkan urusan pentadbiran dan pengurusan sumber manusianya. Pelbagai bengkel dan kursus dianjurkan untuk pekhidmat MAIPk demi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka. Selain daripada itu, sistem teknologi maklumat terus dioptimumkan dengan melaksanakan beberapa penambahbaikan dan pembaharuan bagi mempermudah dan mempercepatkan proses kerja. Budaya kerja inovatif dan kreatif diterapkan kepada semua pekhidmat MAIPk supaya matlamat membantu dan menguruskan para pelanggan MAIPk dengan tepat, cekap dan berkesan dapat direalisasikan.

Akhir kata, pada kesempatan ini, saya mewakili Pengurusan MAIPk ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi sokongan dan dokongan kepada MAIPk.

Sekian, terima kasih.

**DATO' DR. SYED OMAR SHARIFUDDIN BIN SYED IKHSAN**

# Sejarah Penubuhan Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak

Negeri Perak merupakan salah sebuah Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (Federated Malay States) yang ditubuhkan menerusi Perjanjian Bersekutu (Treaty of Federation) pada 1 Julai 1896. Pada ketika itu, Majlis Raja-Raja Melayu bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (Perak, Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan) telah ditubuhkan untuk membincangkan hal ehwal dan kepentingan bersama di antara Raja-Raja Melayu dengan Pemerintahan British. Negeri Perak menjadi tuan rumah kepada mesyuarat pertama Majlis Raja-Raja Melayu bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu atau lebih dikenali sebagai Mesyuarat Durbar, yang telah diadakan pada 13 hingga 17 Julai 1897 bertempat di Istana Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak.

Sebagaimana yang telah dipersetujui dengan pihak British, bermula daripada Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874, hingga kepada penubuhan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, suatu ketetapan telah disepakati secara bersama, bahawa, segala perkara berhubung hal ehwal Agama Islam (Islamic Affair) dan 'Adat Melayu (Malay Custom) hendaklah berada di bawah bidang kuasa Raja Melayu. Justeru, ketua agama Islam dan 'adat Melayu yang berkuasa penuh di Negeri Perak pada zaman itu ialah Duli Yang Maha Sultan. Amalan ini dikekalkan hingga ke hari ini.

Dari sudut sejarah, undang-undang tertua berhubung hal ehwal agama Islam yang telah dikuatkuasakan di Negeri Perak ialah Undang-Undang Sembilan Puluh

Sembilan (Ninety nine Laws of Perak) yang telah diamalkan sehingga ke tahun 1900. Bagaimanapun, tidak dapat dipastikan dengan tepat tarikh permulaan kuat kuasa undang-undang tersebut. Adalah dipercayai, undang-undang itu telah mula dilaksanakan semenjak pemerintahan Al-Marhum Sultan Idris Murshidul A'zam Shah ibni Al-Marhum Raja Bendahara Alang Iskandar (1887 hingga 1916).

Kemudiannya, pada tahun 1900, satu undang-undang yang dinamakan Undang-Undang Pentadbiran Perkahwinan Orang-Orang Islam Bab 197 Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah diperkenalkan dan dikuatkuasakan. Berikutnya itu, sebuah bangunan telah didirikan di kawasan Pejabat Kadi Wilayah Kuala Kangsar untuk dijadikan sebuah ibu pejabat pentadbiran Islam yang dinamakan sebagai 'Balai Syara'. Seorang Kadi Besar telah dilantik bagi mengetuai Kadi-Kadi Wilayah dan ditempatkan di sini. Pada ketika itu wilayah-wilayah kadi yang dikuatkuasakan ialah Kuala Kangsar, Taiping, Simpang Lima, Selama, Lenggong, Ipoh, Batu Gajah, Parit, Sitiawan, Teluk Intan, Tapah dan Tanjung Malim. Kadi Besar pertama yang dilantik ialah Tuan Habib Abdullah.

Dalam tahun 1917, Komiti Quran Perak pula telah ditubuhkan bertujuan untuk mengawal dan memantau pengendalian pengajaran agama Islam di Negeri Perak. Pengurus pertama yang dilantik ialah Sultan Iskandar Shah Ibni Al-Marhum Sultan Idris Ramatullah

Shah (1918-1938), yang merupakan Raja Bendahara Perak pada ketika itu. Komiti Quran Perak ini juga, turut bertindak sebagai Komiti Syariah Negeri Perak, yang bertanggungjawab dalam segala hal berkaitan dengan pentadbiran agama Islam secara umum pada masa itu termasuklah mengeluarkan kebenaran bagi penerbitan buku-buku agama, petaulahan mengajar dan sebagainya.

Menjelang pertengahan tahun 1947, ketika tanah air bergolak hebat dengan perjuangan menentang Malayan Union (ditubuhkan pada 1 April 1946), beberapa pergerakan, pertubuhan dan persatuan telah muncul memperjuangkan semangat nasionalisme bangsa menentang penjajahan British. Antara persatuan yang begitu lantang bersuara di Negeri Perak pada ketika itu ialah Persatuan Melayu Perak. Atas inisiatif persatuan inilah maka, satu perjumpaan para alim ulama telah diadakan pada 10 Ogos 1947 bertempat di Madrasah Iskandariah Kuala Kangsar. Pada pertemuan itu, Dato' Seri Ali Zaini bin Haji Muhamad Zain, bekas Speaker Dewan Undangan Negeri Perak, telah mencetuskan idea yang bernalas bagi menubuhkan sebuah pusat agama secara rasmi untuk mentadbir hal ehwal agama Islam di Negeri Perak.

Tanggal 21 Januari 1948, merupakan suatu detik bersejarah yang amat bermakna bagi Negeri Perak apabila Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdul Aziz Al-Mu'tasim Billah Shah Ibni Al-Marhum Raja Muda Musa (1938-1948) menandatangani suatu perjanjian dengan Sir Gerard Edward James Gent (Pesuruhjaya Tinggi British/Gabenor-Jeneral Malayan Union) yang mewakili Kerajaan British. Perjanjian yang dinamakan sebagai Perjanjian Negeri Perak 1948 tersebut, telah membawa kepada pembentukan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak. Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak tersebut telah dikuatkuasakan pada 1 Februari 1948 di bawah pemerintahan baginda sultan.

Dengan berkuat kuasa Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri itu, hasrat untuk menubuhkan sebuah pusat pentadbiran agama Islam di Negeri Perak akhirnya dapat direalisasikan. Kuasa untuk menubuhkan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak dinyatakan secara jelas di bawah Fasal VI.(1) Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak iaitu:

"Kepala Ugama negeri ini ialah Yang Maha Mulia, dan Yang Maha Mulia akan memerintah supaya diadakan Undang-undang untuk mengaturkan perkara-perkara ugama dan menubuhkan sebuah Majlis Ugama Islam dan adat melayu yang disebut dalam bahasa Inggeris "Council of Religion and Malay Custom" bagi menolong

dan menasihatkan Yang Maha Mulia berkenaan dengan perkara-perkara yang bersabit dengan Ugama negeri ini dan adat melayu."

Setelah kemangkatan baginda Sultan Abdul Aziz Al-Mu'tasim Billah Shah pada 29 Mac 1948, takhta kerajaan Negeri Perak diwarisi oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Yussuf Izzudin Shah Ghafarullahulah Ibni Al-Marhum Sultan Abdul Jalil Nasiruddin Al-Mukhataram Karamatullah Shah (1948-1963). Kerajaan Negeri pada ketika itu dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak, Orang Kaya-Kaya Panglima Bukit Gantang Seri Amar Diraja, Dato' Abdul Wahab bin Toh Muda Abdul Aziz (1948-1957).

Pada masa pemerintahan baginda Sultan Yussuf Izzudin Shah inilah, maka, Kerajaan Negeri secara rasmi menubuhkan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak pada 1 Muharam 1369 Hijrah bersamaan 23 Oktober 1949. Undang-undang khusus berhubung pentadbiran agama Islam dan 'adat Melayu di negeri ini telah diluluskan secara rasmi pada 1 Mei 1952.

Dengan penubuhan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, pentadbiran Balai Syara' dan Komiti Quran Perak yang berada di Kuala Kangsar, telah disatukan di bawah Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak dan dipindahkan ke Ipoh. Manakala, pentadbiran Balai Syara' yang sedia ada telah diserapkan di bawah pentadbiran Pejabat Kadi Kuala Kangsar. Pejabat rasmi Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak yang pertama telah ditempatkan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

Bagi mempermekaskan lagi pentadbiran agama Islam dan 'Adat Melayu di Negeri Perak, undang-undang yang berkaitan dengannya telah disemak, dipinda dan digubal beberapa kali. Pada tahun 1965, sebuah undang-undang yang dinamakan sebagai Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam 1965 (Enakmen Bil. 11 Tahun 1965) telah dikuatkuasakan bagi menggantikan undang-undang tahun 1952. Kemudian, pada 13 Januari 1993, Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam 1965 tersebut telah digantikan pula dengan Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1992 (Enakmen Bil. Tahun 1992). Di bawah Enakmen Bil. 2 Tahun 1992 tersebut, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak telah diperbadankan secara rasmi sebagai sebuah badan berkanun kerajaan. Bagi tujuan keseragaman dengan negeri-negeri lain seluruh Malaysia, Enakmen Pentadbiran Agama 1992 tersebut, akhirnya digantikan pula dengan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 (Enakmen Bil. 4 Tahun 2004). Enakmen Bil. 4 Tahun 2004 tersebut telah dikuatkuasakan pada 15 September 2004 dan masih kekal berkuatkuasa sehingga kini. Entiti Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak juga masih dikenalkan sebagai badan berkanun kerajaan.





## Visi

Menjadi institusi Islam yang syumul dalam memacu kemajuan dan kesejahteraan ummah berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah

## Misi

Meningkatkan taraf sosio-ekonomi ummah menerusi pengukuhan pengurusan baitulmal yang efektif dan dinamik dan dengan mengamalkan tadbir urus cemerlang berlandaskan ketulusan intergriti dan proses profesionalisme yang tinggi

## Objektif

Memartabatkan institusi zakat melalui sistem pungutan dan agihan yang berkesan

Mentadbir harta baitulmal dan wakaf bagi tujuan membangunkan sosio-ekonomi dan memelihara kemaslahatan ummah

Menjana kualiti perkhidmatan, budaya kerja cemerlang dan dinamik serta pengurusan yang sistematik dengan memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi secara maksimum



# Informasi Korporat

## 1. Ahli Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

BIL.	NAMA	JAWATAN
1.	DYTM. Raja Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbudin Shah	Yang Dipertua
2.	YAB. Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd. Kadir	Ahli Majlis
3.	YB. Dato' Seri Dr. Abdul Rahman bin Hashim	Ahli Majlis
4.	YB. Dato' Ahmad Kamal bin Md Shahid	Ahli Majlis
5.	YB. Dato' Jamalludin Al Amini bin Haji Ahmad	Ahli Majlis
6.	YABhg. SS. Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria	Ahli Majlis
7.	YAA. Dato' Haji Abdul Aziz bin Mohd Yusof  YAA. Dato' Haji Muhammad Asri bin Haji Abdullah (dilantik bermula April 2011)	Ahli Majlis
8.	YBhg. Dato' Haji Mohamad Nor bin Mansor  YBhg. Tuan Haji Mohd Yusop bin Haji Husin (dilantik bermula April 2011)	Ahli Majlis
9.	YABhg. Orang Kaya Temenggong Paduka Raja Dato' Seri Wan Mohd. Fathir @ Fadzir bin Wan Hussain	Ahli Majlis
10.	YABhg. Dato' Seri Mohd Annuar bin Zaini	Ahli Majlis
11.	YDH. Toh Muda Orang Kaya-Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa DiRaja Dato' Ab. Wahab bin Dato' Seri Azizul Hassan	Ahli Majlis
12.	YDH. Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah  YDH. Dato' Mohd Shukri bin Dahlan (dilantik bermula Januari 2011)	Ahli Majlis
13.	YABhg. Tan Sri Dato' (Dr) Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin	Ahli Majlis
14.	YBhg. Dato' Haji Abdul Majid bin Zainal Abidin	Ahli Majlis
15.	YBhg. Dato' Haji Md. Salleh bin Haji Md @ Haji Ahmad	Ahli Majlis

BIL. NAMA	JAWATAN
16. YBhg. Dato' Haji Mohamad Nor bin Mansor	Ahli Majlis
17. YBhg. Tuan Haji Muhammad Rivai Batubara	Ahli Majlis
18. YBhg. Tuan Haji As'ad bin Awang	Ahli Majlis
19. YBhg. Dato' Dr. Sidek bin Haji Fadzil	Ahli Majlis
20. YBhg. Profesor Datuk Dr. Mohammed Yusoff bin Hussain	Ahli Majlis
21. YBhg. Profesor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed	Ahli Majlis
22. YBhg. Tan Sri Dato' Dr. Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin	Ahli Majlis
23. YDH. Toh Muda Orang Kaya Besar Maharaja Diraja Dato' Dr. Syed Jaafar bin Syed Aznan Jamalullail	Ahli Majlis
24. YBhg. Orang Kaya-Kaya Paduka Tuan Dr. Muhammad Afifi Al-Akiti	Ahli Majlis
25. YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan	Setiausaha Majlis

# Senarai Jawatankuasa Utama 2010

## 1. Jawatankuasa Fatwa

**Pengerusi**

YABhg. Sahibus Samahah Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria

---

## 2. Jawatankuasa Pelaburan dan Pembangunan

**Pengerusi**

YB. Dato' Jamalludin Al Amini bin Haji Ahmad

---

## 3. Jawatankuasa Penggubalan Undang-Undang Syariah

**Pengerusi**

YB. Dato' Ahmad Kamal bin Md. Shahid

---

## 4. Jawatankuasa Audit

**Pengerusi**

YBhg. Professor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed

---

## 5. Jawatankuasa Baitulmal Tertinggi

**Pengerusi**

YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhwan

---

## 6. Jawatankuasa Baitulmal Pertengahan

**Pengerusi**

YBhg. Encik Mohd Haidi bin Sulaiman

---

## 7. Jawatankuasa Baitulmal Daerah

NAMA PENGERUSI DAN PENGERUSI BERSAMA	DAERAH
YABhg. Orang Kaya Temenggong Paduka Raja Dato' Seri Wan Mohd. Fathir @ Fadzir bin Wan Hussain	Kuala Kangsar
YBhg. Dato' Haji Mohd. Gazali bin Jalal	
YABhg. Orang Kaya Menteri Paduka Tuan Dato' Seri Dr. Haji Wan Mohd Isa bin Haji Wan Ahmad	Taiping dan Selama
YBhg. Dato' Mahmud bin Haji Morsidi	
YABhg. Orang Kaya Menteri Paduka Tuan Dato' Seri Dr. Haji Wan Mohd Isa bin Haji Wan Ahmad	Kerian
YBhg. Encik Ismail bin Hassan	
YBhg. Orang Kaya-Kaya Laksamana Raja Mahkota Dato' Seri Mohd. Amin Shukeri bin Dato' Ali Akbar	Teluk Intan
YBhg. Encik Ahmad Zainudin bin Yeop Shamsudin	
YBhg. Orang Kaya-Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda Dato' Seri Haji Meor Ahmad Rashidi bin Haji Meor Burhanuddin	Pengkalan Hulu, Gerik dan Lenggong
YBhg. Dato' Haji Abdul Karim bin Osman	
YBhg. Orang Kaya-Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa Diraja Dato' Seri Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan	Ipooh dan Batu Gajah
YBhg. Dato' Razali bin Othman	
YBhg. Orang Kaya-Kaya Panglima Bukit Gantang Seri Amar Diraja Dato' Seri Yeop Junior bin Haji Yeop Adlan	Slim River dan Tapah
YBhg. Dato' Haji Md Damiri bin Md. Sairi	
YBhg. Orang Kaya-Kaya Setia Bijaya Diraja Dato' Seri Haji Mohd. Ghazali bin Haji Abd. Rahman	Seri Iskandar dan Kg. Gajah
YBhg. Dato' Hasim bin Haji Hassan	
YDH. Toh Paduka Indera Dato' Haji Zubairi bin Tajuddin	Kampar
YBhg. Tuan Hj. Ahmad Kamaruzzaman bin Hamzah	
YDH. Toh Muda Orang Kaya Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa Diraja Dato' Ab. Wahab bin Dato' Seri Azizul Hassan	Manjung
YBhg. Encik Ahmad bin Shafee	

# Profil Ahli-Ahli Majlis



**DULI YANG TERAMAT MULIA  
RAJA MUDA PERAK DARUL RIDZUAN  
RAJA NAZRIN SHAH IBNI SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH**

D.K., D.K.S.A., D.K.A., D.K. II (Selangor), S.P.C.M., S.P.T.S., S.P.M.P. (Perlis), Ph.D. (Harvard)

YANG DIPERTUA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

## Ex-Officio

01



02



03



04



05



06



07



**01 • YAB. Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry bin Abd. Kadir**  
*Menteri Besar Perak Darul Ridzuan*

**02 • YB. Dato' Seri Dr. Abdul Rahman bin Hashim**  
*Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan*

**03 • YB. Dato' Ahmad Kamal bin Md. Shahid**  
*Penasihat Undang-Undang Negeri Perak*

**04 • YB. Dato' Jamalludin Al Amini Haji Ahmad**  
*Pegawai Kewangan Negeri Perak*

**05 • YABhg. Sahibus Samahah**  
*Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria  
Mufti Kerajaan Negeri Perak*

**06 • YAA. Dato' Haji Abdul Aziz bin Mohd Yusof**  
*Ketua Hakim Syarie*

**07 • YBhg. Dato' Haji Mohamah Nor bin Mansor**  
*Pengarah Jabatan Agama Islam Perak*

## Ahli

01



02



03



04



05



06



01 • YABhg. Orang Kaya Temenggong Paduka Raja  
Dato' Seri Wan Mohd Fathir @ Fadzir bin Wan Hussain

02 • YDH. Toh Muda Orang Kaya-Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa DiRaja  
Dato' Ab. Wahab bin Dato' Seri Azizul Hassan

03 • YABhg. Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini

04 • YBhg. Dato' Haji Md Salleh Bin Haji Md @ Haji Ahmad

05 • YBhg. Tuan Haji Muhammad Rivai Batubara

06 • YBhg. Dato' Haji Abdul Majid Bin Zainal Abidin

## Ahli

07



08



09



10



11



12



07 • YBhg. Tuan Haji As'ad bin Awang

08 • YBhg. Tan Sri Dato' (Dr.) Haji Ahmad Azizuddin Bin Haji Zainal Abidin

09 • YBhg. Dato' Dr. Sidek Bin Haji Fadzil

10 • YBhg. Profesor Datuk Dr. Mohammed Yusoff bin Hussain

11 • YBhg. Profesor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed

12 • YBhg. Tan Sri Dato' Dr. Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin

## Ahli

13



14



15



13 • YDH. Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah

14 • YDH. Toh Muda Orang Kaya Besar Maharaja Diraja  
Dato' Dr. Syed Jaafar bin Syed Aznan Jamalullail

15 • YBhg. Orang Kaya-Kaya Paduka Tuan Dr. Muhammad Afifi Al-Akiti


## Setiausaha

01



01 • YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan  
Ketua Pegawai Eksekutif

# Carta Organisasi\*



\* Carta organisasi MAIPk Tahun 2012

## Ibu Pejabat



- 01. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin Syed Ikhwan  
*Ketua Pegawai Eksekutif*
- 02. Encik Mohd Haidi Sulaiman  
*Ketua Penolong Setiausaha*
- 03. Puan Hajah Wan Maizura Wan Zahari  
*Penolong Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan*
- 04. Encik Bakri Lee  
*Penolong Setiausaha Bahagian Zakat*
- 05. Encik Rohizan Haji Omar  
*Penolong Setiausaha Bahagian Hartanah*
- 06. Encik Ariff Apandi  
*Akauntan*

- 07. Encik Shaiful Nizam Not  
*Eksekutif Hartanah*
- 08. Encik Munawir Mohamed Nor  
*Eksekutif Zakat (Promosi)*
- 09. Puan Noorwahida Abu Seman  
*Eksekutif Zakat (Agihan)*
- 10. Encik Wan Abdul Halim Hafiidz Mohd Amin  
*Eksekutif Korporat Dan Keurusetiaan*
- 11. Cik Zaleha Wan Din  
*Eksekutif Khidmat Pengurusan (2011)*

## Daerah



**01. Cik Zaleha Wan Din**  
Pengkalan Hulu 2009/10

**02. Encik Mohamad Hafizi Mohamah Nor**  
Gerik/Pengkalan Hulu 2010

**03. Encik Zulfadli Baharum**  
Lenggong

**04. Encik S. Daud Shehamy**  
Kuala Kangsar

**05. Encik Mohd Saufi Ibrahim**  
Parit Buntar

**06. Encik Mohd Hafizzie Abd Karim**  
Bagan Serai

**07. Encik Suhaimi Yusoff**  
Taiping

**08. Encik Amirudin Osman**  
Selama

**09. Encik Hamdi Othman**  
Kampar

**10. Encik Noraizad Rosli**  
Batu Gajah

**11. Puan Norfazilah Bawadi**  
Seri Iskandar

**12. Encik Ahamad Muzammil Arbain**  
Kg Gajah

**13. Encik Ahmad Nazim Md. Tajuri**  
Manjung

**14. Encik Ahmad Fadzil Mustaffa**  
Teluk Intan

**15. Encik Dzulbazli Mahamad Ali**  
Tapah

**16. Encik Mohd Hafizurrahman Mohamah Nor**  
Slim River




# Laporan Operasi

## Prestasi Pungutan Dan Agihan Zakat

Tahun 2010 menyaksikan peningkatan pungutan zakat yang sangat memberangsangkan apabila jumlah pungutan meningkat sebanyak 12.83 peratus kepada RM70,282,295.88 juta berbanding RM62,285,131.39 juta dalam jangka masa yang sama pada tahun 2009. Daripada jumlah pungutan tahun 2010, sebanyak RM62,618,310 juta berjaya dipungut daripada zakat harta manakala RM7,663,986 juta daripada zakat Fitrah. Perbandingan pungutan zakat mengikut jenis adalah seperti berikut:

BIL.	JENIS ZAKAT	TAHUN 2010 (RM)	TAHUN 2009 (RM)
1.	Zakat Fitrah	7,663,986.00	7,618,393.00
2.	Emas dan Perak	248,364.45	192,428.18
3.	Wang Simpanan	17,920,833.36	17,151,310.76
4.	Pendapatan	11,755,334.10	9,971,523.35
5.	Saham dan Pelaburan	119,392.08	223,304.45
6.	KWSP/LTAT	1,734,893.73	1,340,960.35
7.	Ternakan	66,862.40	95,031.89
8.	Perniagaan	26,863,742.99	22,114,106.25
9.	Tanaman	2,776,622.35	2,642,660.43
10.	Zakat Harta Lain	1,132,264.42	935,412.73
<b>Jumlah</b>		<b>70,282,295.88</b>	<b>62,285,131.39</b>

**Jadual 1:** Perbandingan Pungutan Zakat Mengikut Jenis Pada Tahun 2010 dan 2009



**Rajah 2: Perbandingan Kutipan Zakat Mengikut Jenis**

Berdasarkan kepada Rajah 1, didapati hampir keseluruhan jenis zakat, kecuali ternakan dan saham berjaya ditingkatkan. Peningkatan paling ketara adalah untuk kutipan zakat pendapatan dan perniagaan. Zakat pendapatan meningkat sebanyak 17.9 peratus iaitu daripada RM9.97 juta dalam tahun 2009 kepada RM11.75 juta dalam tahun 2010. Bagi zakat perniagaan pula jumlah peningkatan melonjak sebanyak 21.5 peratus iaitu bertambah daripada RM22.11 juta dalam tahun 2009 kepada RM26.86 juta. Peningkatan ini menunjukkan bahawa semakin ramai masyarakat Islam dan syarikat-syarikat menunaikan kewajipan berzakat.

Peningkatan ketara pungutan zakat di Negeri Perak pada tahun 2010 merupakan petunjuk utama yang menyaksikan peningkatan kepercayaan dan keyakinan masyarakat kepada MAIPk sebagai pentadbir zakat. Selain daripada itu, kejayaan ini juga terhasil apabila wujudnya kesepadan komitmen dan kesungguhan daripada semua pihak yang memikul segala tanggungjawab dengan penuh fiamanah. Pelbagai aktiviti promosi dan agihan zakat disusun dengan rapi dan dilaksanakan secara menyeluruh. Antaranya ialah dengan melaksanakan sebanyak 156 kali program taklimat dan ceramah zakat, pembinaan papan iklan zakat di kawasan masjid yang terpilih, edaran risalah dan poster zakat di tempat-tempat utama dan menguar-uarkan aktiviti melalui Radio PerakFM.

Usaha promosi terus dipergiatkan lagi dengan penganjuran beberapa aktiviti khas yang lebih dekat dengan mata dan hati masyarakat seperti Kembara Zakat Prihatin IV, Jejak Muzakki Tanaman dan Ternakan, Program Motivasi "Keindahan BersamaMu", Karnival Bulan Berzakat Negeri Perak, Edaran 1juta Risalah, Jaulah Zakat dan Kembara Kuala Mu. Dalam masa yang sama, Kaunter Zakat Bergerak turut dibuka dan disediakan bagi kemudahan masyarakat Islam mengikut keperluan. Tidak ketinggalan juga, kaunter MAIPk di ibu pejabat dan daerah dibuka pada hari Sabtu dalam bulan Disember bagi menyediakan kemudahan kepada para pembayar zakat terutamanya pembayar zakat pendapatan bagi mendapatkan rebat cukai pendapatan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Peningkatan pungutan zakat pada tahun 2010 juga dapat dilihat apabila Pengurusan MAIPk memperkasakan kemudahan pembayaran zakat dengan mengambilkira pelbagai aspek latar belakang masyarakat Islam. Antara penambahbaikan kemudahan pembayaran zakat yang dilakukan oleh Pengurusan MAIPk ialah pertambahan bilangan Amil Profesional, Amil Harta dan Amil Fitrah mengikut keperluan masyarakat Islam. Kemudahan pembayaran zakat diperluaskan lagi apabila MAIPk membina kerjasama dengan agen pungutan zakat yang dilantik seperti Pos Malaysia, Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Rakyat, Bank Muamalat, Maybank, Public Bank, Agro Bank dan Affin Bank. Bahkan kaedah online atau internet banking turut disediakan oleh agen-agen tersebut melalui perkhidmatan [www.Maybank2u.com](http://www.Maybank2u.com) (Maybank), [www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my) (CIMB), [www.bimb.com.my](http://www.bimb.com.my) (Bank Islam), [www.PBEBank.com](http://www.PBEBank.com) (Public Bank) dan Affin Bank Online.

Pembayaran zakat secara berjadual atau bulanan turut disediakan di bawah Skim Potongan Gaji. Skim ini banyak membantu dan memberikan kemudahan khususnya kepada umat Islam yang bekerja dan memperolehi pendapatan secara bulanan yang ingin membuat bayaran zakat secara potongan terus dari akaun gaji tanpa perlu datang ke kaunter zakat. Kemudahan skim ini banyak membantu menjimatkan masa dan kos para pembayar zakat.



Bagi prestasi agihan zakat pula, MAIPk telah mengagihkan sebanyak RM65.22 juta pada tahun 2010 berbanding RM59.5 juta pada tahun 2009. Pengagihan ini memperlihatkan peningkatan agihan zakat sebanyak 9.61 peratus. Asnaf Fakir dan Miskin merupakan kumpulan penerima yang terbesar iaitu RM35.15 juta atau 53.89 peratus daripada jumlah keseluruhan agihan zakat pada tahun 2010, diikuti asnaf Fisabilillah sebanyak RM19.41 juta atau 29.76 peratus. Trend pengagihan ini menggambarkan bahawa asnaf Fakir, Miskin dan Fisabilillah merupakan kumpulan terpenting pengagihan zakat. Perincian jumlah agihan zakat dapat dirujuk pada Jadual 2.

BIL.	ASNAF	TAHUN 2010 (RM)	TAHUN 2009 (RM)
1.	Fakir dan Miskin	35,155,332	26,678,035
2.	Fisabilillah	19,417,327	23,106,997
3.	Amil	7,688,580	6,588,607
4.	Muallaf	2,052,031	2,102,258
5.	Ibnu Sabil	587,304	648,700
6.	Ghorimin	322,293	377,941
<b>JUMLAH</b>		<b>65,222,867</b>	<b>59,502,538</b>

*Jadual 2: Perincian Jumlah Agihan Zakat Mengikut Asnaf Pada Tahun 2010 dan 2009*

## KERJASAMA ANTARA AGENSI

Bagi melicinkan agihan zakat di peringkat daerah, suatu jawatankuasa ditubuhkan yang dinamakan Jawatankuasa Baitulmal Daerah. Jawatankuasa ini telah diberi kuasa untuk mempertimbangkan suatu permohonan berdasarkan skim-skim bantuan tertentu. Uniknya mengenai jawatankuasa ini, ia dipengerusikan bersama oleh Orang Besar Jajahan dan Pegawai Daerah. Di samping itu, pegawai-pegawai dari jabatan dan agensi lain seperti Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan), Pegawai Tadbir Agama, Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat daerah dan Penghulu turut terlibat di dalam jawatankuasa tersebut. Ini menggambarkan kerjasama yang erat di antara pihak MAIPk dengan jabatan dan agensi di daerah agar setiap agihan yang dilaksanakan adalah telus, tepat dan benar.

Bagi memastikan bantuan disalurkan secara lebih cepat dan mudah, sistem eBSN berjaya dibangunkan secara atas talian oleh Bank Simpanan Nasional Berhad dengan kerjasama MAIPk. Sistem ini dibangunkan bertujuan supaya wang bantuan bulanan dapat dimasukkan terus ke akaun penerima bantuan. Dengan adanya sistem tersebut, dana agihan bantuan zakat secara bulanan pada tahun 2010 berjumlah RM12,947,615.00 juta berjaya disalurkan kepada 5,746 asnaf Fakir dan Miskin. Penerima bantuan tidak lagi perlu hadir ke pentadbiran MAIPk setiap bulan bagi mengambil wang bantuan.

Pada masa yang sama juga, pihak MAIPk terus menjadi salah satu agensi yang memberi bantuan melalui sistem e-Kasih yang disediakan oleh Pejabat Pembangunan Negeri. Mana-mana pemohon yang berdaftar dengan sistem e-Kasih dan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Baitulmal Daerah akan menerima bantuan dari pihak MAIPk. Sepanjang tahun 2010 seramai 487 keluarga yang berdaftar dengan sistem e-Kasih telah menerima bantuan daripada pihak MAIPk.

Selain itu juga, Pengurusan MAIPk memperkasakan pemberian zakat dalam bentuk baru apabila tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada pemberian bulanan. Pengurusan MAIPk telah membina suatu program yang bersifat kendiri dan jangka panjang bagi membentuk dan mendidik para penerima bantuan untuk berusaha mencari rezeki.

Antara program yang dilakukan ialah Program Sinar Asnaf yang berjaya dihasilkan menerusi kerjasama antara pihak MAIPk dengan Kolej Komuniti Gerik. Program ini diwujudkan bagi membekalkan pengetahuan dan kemahiran jahitan serta pembuatan perabot kepada anak-anak asnaf Fakir dan Miskin. Program ini dibiayai sepenuhnya oleh MAIPk bagi meningkatkan sosio-ekonomi keluarga masing-masing sekaligus mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan. Di samping itu juga, pihak MAIPk mewujudkan kerjasama dengan Syarikat Ayamas Sdn. Bhd. bagi mewujudkan usahawan-usahawan kecil di kalangan penerima bantuan. Para usahawan akan dibekalkan dengan barang Ayamas untuk dijual kepada masyarakat di sekitar kawasan kediaman mereka. Kerjasama ini telah berjaya mewujudkan 26 usahawan kecil yang akan diberi bantuan bimbingan daripada pihak Syarikat Ayamas Sdn. Bhd.


## PEMERKASAAN PENGURUSAN HARTA WAKAF DAN MAL

Pada tahun 2010, Pengurusan MAIPk telah menggariskan beberapa aktiviti dan projek baru bagi memperkasakan pengurusan harta wakaf dan mal. Pemerksaan ini dirancang bagi memastikan harta wakaf dan mal dapat diuruskan dengan baik di samping dapat dijana bagi meningkatkan sosio-ekonomi umat Islam khususnya di Negeri Perak. Di samping itu, MAIPk dapat melaksanakan tanggungjawab sebagai pemegang amanah tunggal kepada harta-harta wakaf dan mal di dalam Negeri Perak.

Sehubungan itu, pada tahun 2010, Pengurusan MAIPk menambah baik sistem pangkalan data e-Hartanah. Maklumat-maklumat mengenai penyewa dan pemajak tanah dimasukkan ke dalam sistem e-Hartanah. Dengan itu, maklumat-maklumat harta wakaf dan mal telah berkembang dan lebih teliti berbanding dahulu. Di samping itu, Pengurusan MAIPk sentiasa menyediakan bengkel dan latihan yang berkaitan dengan wakaf dan mal kepada para pekhidmat MAIPk agar mereka dapat mengetahui dengan mendalam perkara-perkara yang berkaitan dengan wakaf dan mal.

Pada masa yang sama, Pengurusan MAIPk telah meneliti tanah-tanah wakaf dan mal yang berpotensi untuk dibangunkan. Pembangunan tanah-tanah tersebut dibuat dengan jalinan kerjasama daripada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) serta Yayasan Wakaf Malaysia. Pembangunan tanah-tanah tersebut dapat dilihat apabila Hotel Wakaf Taiping yang dibina sejak tahun 2009 telah hampir siap dibina pada tahun 2010. Hotel ini mempunyai beberapa kemudahan seperti bilik mesyuarat, dewan seminar dan bilik penginapan. Selain itu, kerjasama yang mantap di antara pihak MAIPk, JAWHAR dan Yayasan Wakaf Malaysia telah membina wakaf bazar rakyat di beberapa masjid iaitu Masjid Daerah Taiping, Masjid Aziziah Batu 10, Hutan Melintang, Masjid Daerah Slim River dan Masjid Jamek Taman Kledang Jaya, Ipoh. Kos bagi membina wakaf bazar rakyat ini telah menelan perbelanjaan sebanyak RM1.1 juta.

**Pengurusan MAIPk telah membina suatu program yang bersifat kendiri dan jangka panjang bagi membentuk dan mendidik para penerima bantuan untuk berusaha mencari rezeki.**



MAIPk juga telah menerima tanah-tanah yang dianugerahkan oleh Kerajaan Negeri Perak untuk dibangunkan. Antaranya ialah tanah seluas 2000 hektar di Wilayah Jalong Tinggi, Mukim Sungai Siput, Daerah Kuala Kangsar. Tanah ini dibangunkan untuk saraan sekolah agama rakyat seluruh Negeri Perak. Satu lagi kawasan tanah yang dianugerahkan kepada MAIPk ialah tanah seluas 809.37 hektar di Mukim Sungkai, Daerah Batang Padang. Tanah ini pula dibangunkan untuk saraan masjid-masjid seluruh Negeri Perak.

Selain terdapat tanah-tanah yang dibangunkan untuk manfaat kepada sekolah agama rakyat dan masjid-masjid seluruh Negeri Perak, MAIPk juga sedang membangunkan satu kawasan perumahan untuk penempatan asnaf Fakir dan Miskin yang terpilih di Mukim Sungai Terap, Daerah Batu Gajah. Projek ini mempunyai dua fasa untuk dibangunkan berupa rumah teres setingkat yang mengandungi 11 unit bagi setiap fasa. Kerja-kerja pembinaan bagi fasa pertama sedang dilaksanakan dan sudah mencapai 30 peratus kemajuan. Beberapa pekerjaan yang sesuai akan disediakan kepada peserta projek ini oleh sebuah syarikat agar mereka dapat berusaha mencari rezeki yang lebih baik. Projek perumahan ini apabila siap sepenuhnya akan menjadi contoh kepada pihak lain bagi membantu kelompok Fakir dan Miskin.

## PELABURAN

MAIPk pada tahun 2010 turut mempergiatkan usaha meningkatkan pendapatan sumber am baitulmal dengan mempelbagaikan sumber perolehan dana alternatif. Peningkatan pendapatan sumber am baitulmal dapat mengurangkan kebergantungan MAIPk kepada dana zakat bagi pelaksanaan suatu program. Antara usaha yang dilakukan ialah terlibat aktif dalam aktiviti pelaburan berasaskan prinsip pematuhan syariah. Sehingga 31 Disember 2010, nilai pelaburan MAIPk mencecah RM75.83 juta. Daripada jumlah tersebut, RM3.71 juta merupakan pelaburan dalam portfolio saham ekuiti, RM24.64 juta merupakan pelaburan dalam saham sekuriti manakala selebihnya RM47.47 juta lagi merupakan pelaburan di bawah Skim al-Mudharabah berbentuk simpanan tetap yang berlandaskan syariah. Walaupun dunia berhadapan dengan kemelut persekitaran ekonomi yang masih tidak menentu, kesemua pelaburan MAIPk telah berjaya mencatatkan keuntungan sebanyak RM1.47 juta. Pendapatan ini secara langsung telah memberikan sumbangan terhadap peningkatan pungutan hasil dana sumber am baitulmal bagi tahun 2010.



## **MEMPERKUKUHKAN KUALITI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN**

Sebagai langkah dan usaha untuk memperkasakan pentadbiran dan pengurusan MAIPk dalam aspek sistem penyampaian perkhidmatan, beberapa perkara telah dilaksanakan. Pemerkasaan ini penting dilakukan supaya MAIPk dapat bergerak ke hadapan dengan lebih cekap dan berkesan.

Pada tanggal 29 Mac 2010, lembaran baru pentadbiran MAIPk telah tercipta apabila jawatan Ketua Pegawai Eksekutif yang juga bertindak sebagai Setiausaha Majlis telah dikuatkuasakan. Jawatan tersebut tidak lagi disandang secara automatik oleh Pengarah Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) selaras dengan pindaan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak (2004) pada tahun 2009.

Usaha berterusan MAIPk bagi memantapkan aspek pentadbiran dipergiatkan lagi dengan pengambilan dan pelantikan pekhidmat-pekhidmat baru sebagai langkah mengukuhkan tenaga kerja di peringkat ibu pejabat dan daerah. Ianya secara tidak langsung dapat menangani masalah bebanan kerja yang ditanggung oleh pekhidmat sedia ada di samping dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan terhadap pelanggan. Di samping itu juga, banyak permohonan bantuan oleh masyarakat dapat diselesaikan dengan segera. Usaha ini menyebabkan agihan zakat dapat dilakukan dengan cekap dan berkesan.

---

**Seiring dengan usaha transformasi yang dilaksanakan, Pengurusan MAIPk seterusnya telah memulakan langkah-langkah awal bagi menggunakan kecanggihan teknologi maklumat dengan merangka suatu sistem yang dinamakan e-Syura pada penghujung tahun 2010 dan dijangka akan dapat digunakan sepenuhnya menjelang pertengahan tahun 2011 kelak.**

---

akauntabiliti. Usaha ini perlu bagi membolehkan MAIPk mencapai tahap indeks akauntabiliti berstatus empat bintang di samping memastikan Pengurusan MAIPk dapat mematuhi prosedur-prosedur kewangan yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Unit Teknologi Maklumat MAIPk juga berperanan penting untuk memastikan keselamatan dan segala kerahsiaan data-data MAIPk sentiasa terpelihara. Justeru, Sistem Pencegahan Pencerobohan Data atau *Intrusion Preventive System* telah diwujudkan dengan fungsi utamanya untuk mencegah pencerobohan daripada pihak luar ke atas pangkalan data sistem-sistem dan portal MAIPk. Unit Teknologi Maklumat MAIPk juga melakukan perubahan apabila pangkalan data Sistem e-Agihan telah dimuat naik ke dalam Portal MAIPk bagi memudahkan proses pengagihan zakat. Langkah ini dilakukan oleh Pengurusan MAIPk dalam usaha memperbaiki sistem pengurusan agihan zakat yang selama ini dilakukan secara manual dan mengakibatkan kelewatian keputusan dan tindakan terhadap sesuatu borang permohonan.

Seiring dengan usaha transformasi yang dilaksanakan, Pengurusan MAIPk seterusnya telah memulakan langkah-langkah awal bagi menggunakan kecanggihan teknologi maklumat dengan merangka suatu sistem yang dinamakan e-Syura pada penghujung tahun 2010 dan dijangka akan dapat digunakan sepenuhnya menjelang pertengahan tahun 2011 kelak.

Melalui sistem yang sedang dibangunkan ini, segala proses mesyuarat akan dijalankan secara atas talian. Sistem ini secara langsung akan dapat mempercepatkan penjanaan minit mesyuarat Jawatankuasa Baitulmal Tertinggi dan Pertengahan untuk diedarkan ke pentadbiran-pentadbiran MAIPk daerah. Dengan cara ini, Pentadbiran MAIPk daerah dapat mengambil tindakan segera kepada minit Jawatankuasa Baitulmal dan dapat mempercepatkan proses pengagihan zakat kepada masyarakat.

Pada 01 Jun 2010, Unit Korporat dan Keurusetiaan MAIPk telah ditubuhkan dan berfungsi untuk menguruskan perkara-perkara berkaitan dengan aktiviti korporat dan keurusetiaan yang merangkumi hal ehwal Anggota Majlis, Persidangan Majlis, penyediaan buletin Wadah MAIPk dan laporan tahunan, perkhidmatan kaunter yang berkualiti dan menguruskan Indeks Prestasi Utama MAIPk. Penubuhan unit ini mencerminkan kesungguhan MAIPk untuk mengurus dengan teratur serta meningkatkan imej korporat MAIPk sebagai institusi agama Islam di Negeri Perak.

MAIPk terus mempergiatkan usaha apabila aspek pengurusan kewangan turut menjadi komponen utama yang diperkuatkannya. Juru Audit Dalam telah dilantik secara kontrak daripada Jabatan Audit Negara mulai 01 November 2010 hingga 31 Oktober 2012 untuk membantu Pengurusan MAIPk menambahbaik pengurusan kewangan dan indeks





Kepuasan pelanggan terhadap kualiti penyampaian perkhidmatan yang diberikan oleh warga MAIPk semasa berurusan di kaunter sentiasa menjadi keutamaan oleh pihak pengurusan. Oleh yang demikian, penggunaan *Smiley Box* (Kotak Senyum) dan kotak aduan pelanggan telah diperkenalkan sebagai medium pengukuran tahap kepuasan para pelanggan yang datang berurusan setiap hari di kaunter perkhidmatan. Dengan itu, setiap aduan, cadangan mahupun kritikan yang diberikan oleh para pelanggan sentiasa diberi perhatian serius bagi membolehkan sebarang tindakan pembetulan mahupun penambahbaikan dilakukan dengan kadar segera.

Bagi memastikan segala aktiviti dan program yang dilakukan oleh MAIPk dapat dikongsikan dengan masyarakat, Pengurusan MAIPk melalui Unit Korporat dan Keurusetiaan menerbitkan dan menghasilkan beberapa jenis bahan cetakan iaitu buletin Wadah MAIPk dan laporan tahunan. Dengan kewujudan kedua-dua bahan cetakan rasmi MAIPk, ia dapat menjadi perintis ke arah memperkenalkan MAIPk dengan lebih meluas kepada dan masyarakat Malaysia dan khususnya di Negeri Perak.

Usaha pengkorporatan imej MAIPk terus diberikan keutamaan agar peranan yang dimainkan serta kewujudannya di setiap daerah dapat memudahkan sistem penyampaian perkhidmatan MAIPk ke seluruh pelusuk negeri. Sehubungan dengan itu, Pejabat Pentadbiran MAIPk di Daerah Kampar telah beroperasi secara rasminya bermula pada awal September 2010. Ianya menampakkan usaha yang serius daripada Pengurusan MAIPk yang sedang bergerak ke tahap yang lebih baik daripada sebelumnya.

#### **MERINTIS HALA TUJU MEMACU MASA DEPAN**

MAIPk merupakan sebuah agensi yang bertanggungjawab membangunkan sosio-ekonomi ummah terutamanya di dalam Negeri Perak. Sumber zakat, wakaf dan mal harus digunakan dengan sebaik-baiknya agar hasil yang optimum dapat dicapai. Penerokaan terhadap budaya kerja yang progresif, inovatif dan kreatif akan terus dilakukan agar kualiti penyampaian perkhidmatan dapat diperbaiki dari semasa ke semasa. Pada masa yang sama, usaha bagi meningkatkan sumber zakat, mal dan wakaf akan dilipatgandakan lagi bagi kepentingan ummah.

# Penyata Tadbir Urus Korporat

**Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihi.**

**Bagi memastikan pentadbiran Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) dikendalikan secara cekap, profesional, telus dan bertanggungjawab, di bawah ini dibentangkan penyata bagaimana pentadbiran MAIPk dalam melaksanakan tadbir urus korporat berdasarkan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa.**

## ANGGOTA MAIPK

MAIPk diterajui dan ditadbir oleh anggota-anggota yang berwibawa dan berpengalaman luas serta mahir dalam pelbagai bidang dan disiplin ilmu umpamanya dalam bidang keagamaan, ekonomi, kewangan, pentadbiran korporat dan perkhidmatan awam. Mereka bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keseluruhan tadbir urus korporat MAIPk termasuklah penetapan hala tuju, matlamat dan sasaran yang perlu dicapai oleh pihak pengurusan. Selain itu, Anggota MAIPk juga bertanggungjawab dalam merangka pelan perancangan strategik, menggubal dasar serta membuat apa-apa ketetapan dalam hal ehwal pentadbiran agama Islam di Negeri Perak, menerusi persidangan yang diadakan dengan kekerapan sekurang-kurangnya 4 kali setahun.

## KOMPOSISI ANGGOTA MAIPK

MAIPk dianggotai seramai 24 orang berdasarkan peruntukan di bawah subseksyen 11(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) (Pindaan) 2009, mengikut komposisi berikut;

- Seorang Yang Dipertua (2010: disandang oleh Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan);
- Seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang dipertanggungjawabkan bagi hal ehwal agama Islam (2010: disandang oleh YAB. Menteri Besar Perak);
- 6 orang anggota kanan Kerajaan Negeri iaitu, Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-Undang Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Mufti, Ketua Hakim Syarie dan Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Perak; dan
- Tidak lebih 20 anggota lantikan lain yang sekurang-kurangnya 5 daripadanya hendaklah arif dalam Hukum Syarak (2010: diisi seramai 16 orang, 5 daripadanya Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak).

## SETIAUSAHA MAIPK

Peruntukan subseksyen 16(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 (Pindaan) 2009 menyatakan bahawa Ketua Pegawai Eksekutif bagi Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan. Ketua Pegawai Eksekutif menjadi Setiausaha MAIPk dan Pentadbir MAIPk dan hendaklah bertanggungjawab untuk menjalankan dasar-dasar dan ketetapan-ketetapan MAIPk serta mengepalai pekhidmat awam MAIPk.



**PERSIDANGAN MAIPK**

Pada tahun kewangan 2010, Anggota MAIPk telah bersidang sebanyak lima kali. Sebahagian besar anggota telah mematuhi keperluan kehadiran sebagaimana ditetapkan. Berikut disenaraikan rekod kehadiran Anggota MAIPk ke Persidangan MAIPk yang telah diadakan;

NAMA ANGGOTA	KEHADIRAN
<b>Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan</b> <b>Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah</b> D.K., D.K.S.A., D.K.A., D.K. II (Selangor), S.P.C.M., S.P.T.S., S.P.M.P. (Perlis), Ph.D. (Harvard) <i>Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak</i>	5/5
<b>YAB. Dato' Seri Diraja Dr. Zambray bin Abd. Kadir</b> S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.S. <i>Menteri Besar Perak Darul Ridzuan merangkap Pengerusi Jawatankuasa Agama</i>	4/5
<b>YB. Dato' Seri Dr. Abdul Rahman bin Hashim</b> S.P.M.P., D.P.C.M., PCM. <i>Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan</i>	5/5
<b>YB. Dato' Ahmad Kamal bin Md Shahid</b> D.P.C.M. <i>Penasihat Undang-Undang Negeri Perak Darul Ridzuan</i>	4/5
<b>YB. Dato' Haji Jamalludin Al Amini bin Haji Ahmad</b> D.P.C.M., D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.P.T. <i>Pegawai Kewangan Negeri Perak Darul Ridzuan</i>	5/5
<b>YABhg. SS. Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria</b> P.S.M., D.S.A., S.P.M.P., D.P.M.P., J.S.M., A.M.N., P.K.T., P.J.K. <i>Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan</i>	5/5
<b>YA. Tuan Mohd. Rahim bin Haji Abdullah</b> A.M.P. <i>Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Perak (digantikan dengan Ketua Hakim Syarie pada bulan April 2010)</i>	2/2
<b>YAA. Dato' Haji Abdul Aziz bin Mohd Yusof</b> D.P.M.P., A.M.N., P.P.T. <i>Ketua Hakim Syarie (menggantikan Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Perak pada bulan April 2010)</i>	3/3
<b>YBhg. Dato' Haji Mohamah Nor bin Mansor</b> D.P.M.P., A.M.P. <i>Pengarah Jabatan Agama Islam Perak</i>	5/5
<b>YABhg. Orang Kaya Temenggong Paduka Raja</b> <b>Dato' Seri Wan Mohd. Fathir @ Fadzir bin Wan Hussain</b> S.P.M.P., P.C.M., A.M.P., A.M.N., P.J.K., J.P. <i>Orang Besar Jajahan Kuala Kangsar</i>	5/5

NAMA ANGGOTA	KEHADIRAN
<b>YBhg. Toh Muda Orang Kaya-Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa DiRaja</b> <b>Dato' Ab. Wahab bin Dato' Seri Azizul Hassan</b> P.M.P., D.N.S., P.P.P., B.S.K., A.N.S., H.T.S., J.P. <i>Orang Besar Jajahan Manjung</i>	5/5
<b>YABhg. Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini</b> D.S.A., S.P.M.P., S.P.D.K., D.P.M.P., D.J.M.K., P.M.P., A.M.P. <i>Ahli Dewan Negara Perak Darul Ridzuan</i>	3/5
<b>YBhg. Dato' Ismail bin Shah Bodin</b> D.P.M.P., J.S.M., P.A.T., P.M.P., A.M.P., A.M.N. <i>Ahli Dewan Negara Perak Darul Ridzuan</i>	3/5
<b>YABhg. Orang Kaya-Kaya Imam Paduka Tuan Dato' Seri Haji Abdul Malik bin Haji Noordin</b> S.P.M.P., D.P.M.P., P.P.T., J.P. <i>Ahli Dewan Negara Perak Darul Ridzuan</i>	0/5
<b>YBhg. Dato' Haji Md. Salleh bin Haji Md @ Haji Ahmad</b> D.P.M.P. <i>Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak</i>	5/5
<b>YBhg. Dato' Haji Abdul Majid bin Zainal Abidin</b> D.P.M.P. <i>Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak</i>	5/5
<b>YBhg. Tuan Haji Muhammad Rivai Batubara</b> A.M.P. <i>Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak</i>	5/5
<b>YBhg. Tuan Haji As'ad bin Awang</b> <i>Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak</i>	5/5
<b>YBhg. Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah, DCP</b> D.P.S.K., D.P.T.S., J.S.M. <i>Ketua Polis Negeri Perak Darul Ridzuan</i>	5/5
<b>YBhg. Dato' Dr. Sidek bin Haji Fadzil</b> D.P.M.P., P.C.M. <i>Presiden Kolej Darul Hikmah</i>	5/5

NAMA ANGGOTA	KEHADIRAN
<b>YBhg. Profesor Datuk Dr. Mohammed Yusoff bin Hussain</b> P.S.D., P.M.P. <i>Rektor Kolej Islam Darul Ridzuan</i>	4/5
<b>YABhg. Tan Sri Dato' (Dr.) Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin</b> P.S.M., D.P.M.P., P.M.P., K.M.N., J.P.	4/5
<b>YBhg. Profesor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed</b> D.P.M.P., D.J.N. <i>Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif Asia e University</i>	3/5
